

# Program Selangkah ke Universiti memotivasi pelajar luar bandar

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

conypearl09@gmail.com

013 02-07-2012 B2

KOTAKINABALU: Program Selangkah ke Universiti memberikan motivasi kepada pelajar khususnya pelajar luar bandar untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Rahim Bakri berkata program itu bukan sahaja bermanfaat tetapi juga memberi pendedahan kepada pelajar khususnya dari luar bandar untuk menikmati suasana universiti.

Katanya, dengan pendedahan lebih terperinci, pelajar lebih bersemangat untuk melanjutkan pelajaran di peringkat universiti dengan pendidikan berkualiti dan seterusnya mengubah masa depan sendiri serta keluarga.

"Kita percaya bahawa pendidikan merupakan satu alat mobiliti sosial yang paling penting dan boleh membuat transformasi bukan sahaja pada diri, keluarga tetapi juga kepada negara kita.

"Melalui pendidikan, kita mampu keluar dari garis kemiskinan dan membantu membangunkan negara kerana ia dapat memperkasakan anak-anak apabila mereka



RAHIM (kiri) menyampaikan sijil kepada salah seorang wakil pelajar sambil diperhatikan oleh Karim (tengah) dan Maizatul (kanan).

berilmu," katanya pada Program Selangkah Ke Universiti, di sini, Sabtu lalu.

Dalam pada itu, kira-kira 300 pelajar daripada sembilan kawasan parlimen negeri Sabah mengikuti program anjuran Badan Amal dan Kebajikan Isteri Wakil-Wakil Rakyat Sabah (Bakisa) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Menurut Rahim, walaupun di kawasan luar bandar tidak mempunyai kemudahan asas seperti elektrik, air dan kemudahan lain, kerajaan tetap berusaha mewujudkan masyarakat berilmu dan membangunkan modal insan melalui program pendidikan yang meluas.

Jelasnya, keadaan pendidikan pada masa sekarang jauh lebih baik berbanding tahun terdahulu kerana kini pelbagai kemudahan dan

teknologi tiba disediakan bagi memperkasakan pendidikan.

"Pada 30 tahun lalu, infrastruktur pendidikan sangat daif dan tidak banyak tenaga pengajar yang begitu berkelayakan, namun kini banyak alat yang canggih dan kemudahan serta tenaga pelajar yang setara dengan pendidikan pada hari ini," katanya.

Tambahnya, Malaysia turut membelanjakan kira-kira 20 peratus daripada bajet untuk menumpukan kepada sistem pendidikan berbanding negara lain yang lebih tertumpu kepada pertahanan dan perang.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur berkata bagi melahirkan modal insan yang berkualiti, UMS telah membelanjakan RM11 juta sebulan bagi membayar gaji kakitangannya, RM1.6 juta bagi bil elektrik serta bil air yang mencecah RM1 juta.

Turut hadir, Pengerusi Pelaksana Program, Datin Maizatul Akmm Alawi dan tetamu kehormat yang lain.



PARA pelajar yang mengikuti program itu membaca ikrar.